



قائتارونى Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 20


RABU 16 MEI, 1984.

رابو 15 شعبان 1404

PERCUMA

KEADILAN AKAN TERUS DIPELIHARA — Titah

Oleh: Ahat Ismail



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sebelum berkenan menyampaikan hadiah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Kerajaan akan terus menerus berusaha untuk memastikan bahawa keadilan di Negara ini berjalan dengan saksama serta sentiasa terpelihara.

Dengan memelihara dan menjaga keadilan tersebut titah Baginda Yang Dipertuan, Negara ini pasti akan terus maju serta dapat menikmati kemakmuran dan kebahagiaan yang berkekalan bagi rakyat penduduk di dalamnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sejurus sebelum menyampaikan hadiah kepada pemenang-

pemenang Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin malam Khamis lalu.

Baginda Yang Dipertuan seterusnya bertitah, setiap orang adalah dikehendaki bersifat adil seperti Ketua, Pegawai, dan kakitangan, yang mana mereka-mereka tersebut dikehendaki berlaku adil dengan cara menunaikan tugas dengan sempurna, bertanggungjawab, serta amanah

terhadap tugas masing-masing.

"Keadilan itu bermakna jujur, lurus, tidak memihak ke mana-mana, tidak melebihi dan tidak mengurangi, bahkan semata-mata berpegang kepada hak dan kebenaran menurut ajaran-ajaran Allah," titah Baginda.

Awal dari itu Baginda menyatakan rasa kegemilangan mengenai perkembangan membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang semakin bertambah baik, hasil daripada tunjuk ajar

guru-guru agama dan orang-orang tua terdahulu yang menyumbangkan secara tradisi, yang mana ianya adalah merupakan sumbangan yang besar ke arah mengasuh serta meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran di negara ini.

Bertitah mengenai tema pertandingan iaitu "KEADILAN ASAS KEBAHAGIAAN DAN KEMAKMURAN" Baginda Yang Dipertuan menyatakan bahawa

Lihat muka 20

PESTA SUKAN AIR

Oleh: Manap Rahman

PANTAI Serasa, pantai peranginan yang setiap hujung minggu menjadi tumpuan orang ramai telah menarik ratusan penggemar-penggemar dan peminat-peminat sukan air sepanjang berlangsungnya Pesta Sukan Air kali pertama selama dua hari.

Di hari terakhir di mana beberapa acara kemuncak berlangsung turut disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Turut berangkat bagi menyerikan dan memeriahkan lagi pesta tersebut ialah kerabat-kerabat Diraja yang lain dan jemputan khas.

Pesta Sukan Air atas usaha Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan itu sekali gus telah menjalankan tiga jenis pertandingan termasuk lomba perahu, sampan kolek dan meluncur angin.

Meskipun baru pertama kali diadakan namun ianya telah berjaya menarik minat penggemar sukan ini.

"Ini adalah satu pertanda baik bahawa sukan ini di masa akan datang boleh diketengahkan dan dimajukan dengan mempelawa

penyertaan dari luar negeri dengan menjadikannya acara tahunan," jelas Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dalam kata-kata aluannya.

Banyaknya penyertaan ke Pesta Sukan Air ini telah memaksa pihak penganjur mengadakan beberapa saringan (heat) bagi memilih

Lihat muka 20



D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Y.A.M. Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat menyaksikan pesta tersebut pada hari Ahad lalu.

Keadilan bukan sekadar menghukum kesalahan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan bersabda bahawa keadilan bukan semata-mata bermakna ianya menghendaki sesuatu hukuman yang tertentu bagi semua kesalahan dan ianya bukan pula menghadkan ganjaran (reward) pada sesuatu kadar tertentu yang patut dengan perbuatan atau pekerjaan.

Sabda Yang Amat Mulia, keadilan sebenarnya menghendaki bahawa semua orang hendaklah menerima balasan yang setimpal dengan perbuatannya; iaitu hukuman tidaklah patut lebih keras daripada yang munasabah bagi suatu kesalahan dan ganjaran, bayaran upah atau ganti rugi hendaklah tidak kurang dari yang patut diterima bagi sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang menghendaki sebarang ganjaran itu.

"Konsep ini adalah termaktub dalam Pemaszyuran Kemerdekaan Negara Brunei

Oleh: Abd. Karim HAB



Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

Darussalam sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai satu daripada prinsip utama dalam corak pentadbiran negara ini yang bukan sahaja semata-mata mengaitkan kepada perjalanan undang-undang bahkan kepada keseluruhan corak pemerintahan dalam segala bidang mahupun tugas-tugas yang dijalankan

oleh pegawai-pegawai tinggi hingga serendah-rendah kakitangan Kerajaan," jelas Yang Amat Mulia.

Amalan yang berasaskan prinsip keadilan berasaskan kebenaran sebagaimana yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Quran, ujar Yang Amat Mulia, adalah penting bagi menjaga kemakmuran dan kebahagiaan rakyat serta penduduk dan isi di dalam Negara Brunei Darussalam ini.

Bersabda sejurus sebelum merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negara yang

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"SIAPA yang kembali kepada aturan Allah (bertaubat) setelah melakukan kejahatan, dan dia mengadakan perbaikan maka sudah tentu Allah memberinya taubat (mengasihinya) kembali. Sesungguhnya Allah itu maha pengampun lagi penyayang." — Makna ayat 39 Surah Al-Maidah.



Pelita Brunei

RABU 16 MEI, 1984.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

USAHANIAGA: BANTUAN DAN PERLINDUNGAN KEPADA ORANG-ORANG KITA

KEGIATAN usahaniaga pada masa ini semakin bertambah di kalangan orang-orang kita sangatlah menggembirakan. Ia dapat dikira sebagai menandakan kesedaran yang sudah semakin meningkat tentang penyertaan rakyat jati dalam kepesatan ekonomi negara.

Selaku peniaga dan pengusaha yang bersaing dengan peniaga dan pengusaha lain mereka lazimnya mempunyai image atau gambaran

peniaga dan pengusaha yang sepenuhnya berkehendakkan bantuan serta perlindungan Kerajaan. Dan dalam hal-hal yang tertentu mereka juga berkehendakkan simpati Kerajaan. Image yang sedemikian sebenarnya tidaklah menjadi suatu kealpaan sebab dalam memerlukan perlindungan, bantuan dan simpati itu mereka adalah kalangan yang berfungsi menepati hasrat Kerajaan yang menggalakkan lebih ramai rakyat bergiat dalam bidang ekonomi.

Kerajaan sememangnya memberikan bantuan. Skim Pinjaman Peniaga-peniaga Kecil sudah terbukti bukan sahaja menghasilkan ramai peniaga-peniaga di kalangan orang-orang kita bahkan kesannya serba sedikit telah kelihatan dalam membayangkakan bilangan orang-orang kita secara aktif dalam bidang usahaniaga. Dalam pada itu tentulah Skim Pinjaman tersebut terus-menerus dikaji. Satu masa dahulu kadar pinjaman yang boleh diberikan cuma terhad tidak lebih \$250,000.00, tetapi pada masa ini had tersebut sudah mencapai setengah juta. Ini tentulah berdasarkan kajian di mana penyertaan orang-orang kita dalam kegiatan ekonomi sudah ada yang memerlukan modal yang besar dalam makna bahawa usaha mereka itu sendiri sudah meningkat. Ini dari segi bantuan modal. Sementara bantuan-bantuan yang lain antaranya ialah memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga yang terdiri daripada orang-orang kita dalam tawaran mereka mengenai beberapa barang dan

perkhidmatan yang tertentu kepada Kerajaan. Semua ini boleh pula diartikan sebagai semacam perlindungan yang berpatutan bagi memungkinkan penyertaan yang berkesan dalam persaingan dengan peniaga-peniaga lain.

Manakala bagi peniaga-peniaga kecil seperti pekedai-pekedai runcit, penjaja-penjaja, penamu-penamu dan seumpamanya sungguhpun bidang niaga mereka dalam lingkungan modal yang kecil namun tidak bermakna mereka dapat berdiri sepenuhnya tanpa sebarang bantuan, perlindungan dan simpati Kerajaan. Mungkin masalah mereka samalah seperti masalah peniaga dan pengusaha-pengusaha yang agak besar dari mereka seperti mendapatkan tempat berniaga, dan kemudahan mendapat lesen dan seumpamanya. Bagi mereka selaku peniaga yang bermodal kecil tentulah lebih berat kesannya manakala tiada tempat yang sesuai dengan kedudukan modal mereka. Atau ada tempat untuk berniaga tetapi berkehendakkan beberapa urusan untuk mendapatkan lesen dan seumpamanya yang mana dalam tempoh urusan sedemikian yang mungkin memakan masa yang agak lama modal mereka akan tidak kecukupan.

Masalah seperti ini tentunya cuba diatasi oleh Kerajaan. Kerana itu setakat ini terdapat dasar yang membolehkan penggunaan sebahagian rumah-rumah kediaman untuk dijadikan kedai runcit sementara menunggu pertukaran syarat

tanah, dan Kerajaan juga menyediakan bukan sahaja tapak tapak bagi penamu-penamu di ibu negeri dan di pekan-pekan bahkan juga menyediakan gerai-gerai di tepi-tepi jalan yang sekira-kira menjadi tumpuan orang ramai. Semua ini boleh juga diartikan sebagai perlindungan diberikan oleh Kerajaan bagi memungkinkan pertumbuhan yang sihat usahaniaga di kalangan orang-orang kita.

Dalam pada itu kita percaya kejayaan sepenuhnya penyertaan orang-orang kita dalam bidang ekonomi di semua peringkat adalah juga bergantung kepada sejauh mana kegiatan mereka itu mengatasi cabaran dan kesulitan. Di pihak Kerajaan tentulah tidak ada dasar untuk mempersulitkan kedudukan mereka. Sebaliknya menerusi berbagai bantuan selakat ini dasar yang nyata ialah bagi membantu mereka. Oleh kerana itu jika terdapat sebarang kesukaran maka hendaklah kedua-dua pihak iaitu pihak-pihak berkenaan Kerajaan dan peniaga-peniaga itu sendiri cuba mengatasi dengan sama-sama memahami akan dasar-dasar yang ada yang setentunya berkehendakkan pelaksanaan yang tepat di kalangan pihak-pihak yang berkenaan itu dan usaha yang gigih di kalangan peniaga-peniaga.

Dengan cara yang sedemikian kita percaya tidak akan timbul salah faham bahawa Kerajaan tidak bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk menggalakkan penyertaan orang-orang kita dalam bidang usahaniaga.

AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT DIRAJA

AHLI-AHLI DILANTIK

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anakda, Pengiran Haji Ahmad ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara, Pengiran Anak Haji Mohamed Yassin, SPMB., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, DK., DSNB., MBE., PHBS., POAS., PJK.

Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Noor bin Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Abdul Razak, PSNB., POAS., PJK.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, DK., DSLJ., DPMB., POAS., PHBS., PJK.

Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha, DK., SPMB., DSSUB., DSLJ., PSB., MVO., POAS., PHBS., PJK.

Y.B. Pehin Datu Temenggong Dato Seri Paduka Lim Cheng Choo, SPMB., SNB., POAS., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara, Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kamaluddin, DSNB., SMB., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, DK., DSNB., DPMB., PNB., MVO., PHBS., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar, Pengiran Anak Haji Mohd Yusof bin Al-Marhum Pengiran Pemanca Pengiran Muda Haji Mohamed 'Alam, DK., SNB., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, DK., DHPNB., PHBS., QPM., CPM., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, DK., DSNB., SLJ., CVO., POAS., PHBS., PJK.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.

Y.B. Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Setia, P.A. Coates, PSNB., SPMB., DSLJ., OBE., PHBS., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, DK., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibul Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin, DK., DSNB., SLJ., DPMB., PJB., POAS., PHBS., PJK.

Y.B. Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Awang Metali bin Mat Yassin, DK., PSSUB., DPMB., POAS., PHBS., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib, Pengiran Anak Haji Idris ibni Al-Marhum Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar, Pengiran Muda Abdul Kahar, DK., SMB., PHBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara, Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apeng, PSPNB., PSJ., DSNB., PHBS., DPMB., CPM., PJK.

Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja, Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja, Dato Laila Utama Awang Haji Mohamed Yusof, SPMB., DSNB., PHBS., PJK.

Y.B. Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Abbas Al-Sufri bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., MVO., POAS., PHBS., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Saifuddin, DK., SPMB., PHBS.

Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakar, PSSUB., DSNB.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud, PSJ., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PJK.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja, Colonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apeng, PSPNB., DSNB., DSLJ., PHBS., PBLI.

Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, DSSUB.

Y.B. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, DSLJ., SSUB.



Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya



Y.B. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Haji Awang Abdul Aziz

Ahli baru dilantik

DUA orang ahli baru telah dilantik bagi menggantikan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja sebagai 'Ahli-Ahli Dilantik'. Mereka ialah Yang Berhormat Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, DSSUB., dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned DSLJ., SSUB.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Undang-Undang menerusi Surat Kelilingnya bertarikh 10 Mei, 1984 menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dengan sukacita berkenan melantik dua Ahli Dilantik yang baru bagi Majlis Mesyuarat Diraja mulai dari 17 April 1984. Lantikan tersebut seperti biasa akan diterbitkan dalam Warta Kerajaan.

Adalah difahamkan bahawa di bawah kuasa Bab 5(2) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkuasa melantik Ahli-Ahli Dilantik bagi menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja selain dari beberapa orang Ahli-Ahli Rasmil Kerana Jawatan.

Pekerjaan atau fungsi Majlis Mesyuarat Diraja sebagaimana yang ditetapkan oleh Bab 6(1) Perlembagaan ialah bagi menasihatkan Sultan berkenaan menggunakan hak pengampunan dan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sebarang kandungan Perlembagaan iaitu sebagaimana menurut Perlembagaan iaitu Bab 9 mengenai hak pengampunan dan Bab 85 mengenai peminda bagi Perlembagaan.

Dan tertakluk kepada Undang-undang Bertulis, Majlis Mesyuarat Diraja juga berfungsi menasihatkan Sultan tentang lantikan orang-orang ke pangkat-pangkat, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan dan kebesaran adat istiadat Melayu dan menentukan pekerjaan yang berhubung dengannya.

Begitu juga, Majlis Mesyuarat Diraja berfungsi menjalankan lain-lain pekerjaan yang diberi kepadanya oleh mana-mana Undang-Undang Bertulis atau oleh Sultan tertakluk kepada Perlembagaan dan Undang-undang.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai kanan dari Kementerian Pelajaran dan Kesihatan kini berada di Jakarta, Indonesia untuk menghadiri kursus dan seminar.

Dua orang menghadiri 'International Course On Drug Evaluation'. Mereka ialah Datin Siti Hajar bte Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji

Md. Yusof, Ketua Cawangan Kimia Ubat dan Dayang Cheong Poh Yee, Pharmacologist.

Kursus selama seminggu yang akan berakhir pada 19 Mei itu adalah pertama kalinya diadakan di Asia Tenggara. Ianya dianjurkan bersama oleh 'The International Union of Pharmacology' (IUPHAR) dan The Indonesian Phar-

malogists Association (IKAFT).

Dua orang pegawai lagi menghadiri 'Seminar On Rural Health Research For Supporting Primary Health Care in South East Asia'. Mereka ialah Awang Adnan bin Buntar, Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Dayang Dr P. Durayappah, Pegawai Perubatan Kanan,

Jabatan Perkhidmatan Perubatan.

Seminar tersebut dianjurkan oleh Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (Southeast Asian Ministers of Education Organisation), yang mana Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara anggota.

Seminar tersebut akan berakhir pada 19 Mei ini.

**Empat pegawai hadiri
kursus dan seminar
di Jakarta**

Perjumpaan Pandu Puteri

TUTONG. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bagi guru (Pandu Puteri) Daerah Tutong bertempat di bilik Taklimat Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada Selasa, minggu lalu.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia telah dialu-alukan oleh Pemangku Daerah Tutong, Awang Aziz bin Mohamad, Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Guru-guru pengawas Pertubuhan serta ahli-ahli pertubuhan lain yang beruniform.

Lebih 100 orang guru-guru menghadiri perjumpaan tersebut telah mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Datin Masni binte Haji Ali dan kemudiannya mereka berpeluang mengemukakan soalan mengenai pertubuhan ini.

Turut hadir ialah Yang Dimulikan Dayang-dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah binte Abdullah, Timbalan Yang Dipertua Pandu Puteri Negara, Timbalan Pesuruhjaya Pandu Puteri, Datin Masni binte Haji Ali, Datin Simone Butterell,

Penolong Pesuruhjaya Pandu Puteri Dayang Hajjah Marhani binte Abdul Latif, Bendahari Kehormat Dayang Hajjah Misli binte Haji Awang serta Pesuruhjaya Pengendalian Pandu Puteri Pengiran Hajjah Hairani PML Pengiran Muda Kahar.

Perjumpaan tersebut adalah bagi meneruskan Pelancaran Kempen Pengambilan ahli-ahli baru yang telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bertempat di Dewan Pusat Belia pada 29 April yang lalu. — HA.



KEBERANGKATAN Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan rombongan dialu-alukan oleh Pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam beserta dengan Datin Masni bte Haji Ali, Timbalan Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Penolong Pesuruhjaya Dyg. Hjh Marhani bte Abd Latif serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Pandu Puteri yang lain ketika membuat perjumpaan dengan guru-guru di S.M.M. Muda Hashim Tutong.

CERAMAH MENGHALUSI ADAT ISTIADAT

JALAN MUARA. — Bahagian Kebudayaan, Badan kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan Negara Brunei Darussalam (BISTARI) Jumaat lepas telah mengadakan satu majlis ceramah menghalusi Adat Istiadat dan Kebudayaan Brunei yang dilangsungkan di Rumah Dayang Hajjah Malai Rogayah bte Syed Haji Malai Mashore di Kampong Manggis Dua di sini.

Ceramah yang julung-julung kalinya diadakan ini adalah dihasratkan bagi menambahkan pengetahuan dan kemanfaatan bagi kalangan isteri-isteri pegawai Kerajaan demi kepentingan peribadi negara dan bangsa.

Bagi mencapai hasrat tersebut Bistari telah mengundang Yang Dimulikan Pehin Menteri Bini Dayang Hajjah Masni binte Haji Masri, siapa yang arif tentang Adat

Istiadat dan kebudayaan bangsa kita khususnya orang-orang Brunei.

Selain dari itu Yang Dimulikan Pehin Menteri Bini juga telah menerangkan cara-cara mengadap, junjung ziarah, adat bercakap dalam Istana dan Adat Perkhawinan Diraja.

Sejurus sebelum Ceramah Adat Istiadat dimulakan, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Tetap Bistari, Datin Hajjah Naemah binte Haji Razali yang antara lain berkata bahawa orang-orang Brunei sudah semestinya mengetahui akan adat istiadat bangsa dan kebudayaan sendiri, kerana menurutnya, bangsa yang tidak punya adat budaya adalah bangsa yang tidak punya moral dan harga diri.

Sebab itu jelasnya, sebuah negara adalah berkait rapat dengan ketinggian maruah dan peradapan bangsa itu sendiri, apatah lagi kita bangsa Melayu Brunei sudah dikenali dengan adat kemelayuan dan ketimuran yang unik dan satu-satunya negara Melayu Islam yang mempunyai adat istiadat yang masih dapat dipertahankan sejak zaman berzaman.

"Kita bini-bini Brunei yang mewarisi adat dan budaya dari datuk nenek kita apa lagi sebahagian kita selalu diundang menemani para suami masing-masing ke majlis yang tertentu termasuk majlis yang beradat istiadat haruslah tahu dan pandai menyesuaikan diri supaya tidak sumbang di penglihatan mata orang ramai," tegas Datin Naemah.

Kerana itulah wanita bukan sahaja dipandang cantik dalam memikat dengan rupa yang manis dan menarik tetapi tanpa moral keolahan yang senonoh dan berbudi bahasa semua itu akan hilang dan tinggal sebutan semasa muda sahaja.

Majlis ceramah pada hari itu juga telah dihadiri bersama oleh Timbalan Yang Dipertua Bistari, Datin Hajjah Yukmas bte Haji Mohamad serta kira-kira empat puluh orang ahli Bistari.

Di akhir majlis doa selamat telah disampaikan oleh Dayang Hajjah Hindut binte Haji Lamat. — ZHS.

ANGGOTA ABDB TAMAT KURSUS BOMBA

MUARA. — Seramai 26 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei termasuk dua orang Pegawai Balai Percubaan dari Pasukan Bomba telah menamatkan Kursus Asas Ahli Bomba Pelatih Skud ke-19/84 dalam satu upacara Perbarisan Tamat Latihan bertempat di Pusat Latihan Bomba di sini, Khamis lepas.

Tetamu kehormat di upacara itu ialah Timbalan Pemerintah ABDB, YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud. Dalam ucapannya Y.B. memberi penghargaan kepada Pasukan Bomba atas kerjasama yang erat dalam melatih anggota-anggota ABDB.

Y.B. berkata latihan lanjutan Asas Ahli Bomba bagi anggota-anggota ABDB yang dikendalikan oleh Pasukan Latihan Bomba akan dipertingkatkan nanti dan dengan adanya latihan itu, tambahnya, akan dapat mengurangkan penghantaran anggota-anggota ABDB untuk menjalani latihan bomba di luar negeri.

Sebelum itu, Timbalan Pemerintah ABDB telah menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan kehormat yang

terdiri dari anggota-anggota yang menamatkan latihan. Mereka telah menjalani latihan asas bomba kira-kira dua bulan sejak bulan Mac lepas di pusat tersebut.

Hadiah dan sijil-sijil juga telah disampaikan oleh Timbalan Pemerintah ABDB kepada anggota-anggota terbaik dalam Latihan Asas Bomba. Terbaik dalam semua jurusan ialah 7166 Sld. Daud bin Sanai, terbaik dalam bahagian kawat 7141 Sld. Abd Latif bin Mustapa dan terbaik dalam bahagian teori 6382 Sld. Latif bin Jumaat.

Semasa menjalani latihan asas di pusat tersebut mereka diajar mengenai hal-hal kebom-baan, undang-undang serta tugas-tugas khas pasukan bomba, dan sebagai pelajaran tambahan mereka juga diberikan ceramah oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Bomba Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Bagi membiasakan dengan tugas-tugas pasukan bomba juga mereka dibawa melawat ke beberapa tempat seperti bangunan-bangunan tinggi yang mempunyai lift dan juga 'fixed installation'.



PELATIH terbaik dalam semua jurusan, Sld. Daud bin Sanai menerima hadiah yang disampaikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kol. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.



YANG Dimulikan Pehin Menteri Bini Dayang Hajjah Masni bte Haji Masri menunjukkan cara-cara 'berkapit' dalam majlis beradat istiadat dalam Istana Diraja dan sebagainya.



DATIN Hajjah Naemah bte Haji Razali, Pengerusi Tetap BISTARI ketika memberikan ucapan alu-aluan. Di sebelah kiri ialah Setiausaha Adat Istiadat dan Kebudayaan BISTARI, Datin Hajjah Masnah bte Haji Tuah.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

Permasalahan sembahyang berjemaah

HASIL yang didapat dari Sembahyang berjemaah itu dengan seorang Imam dan seorang makmum:

Sembahyang berjemaah di Masjid lebih afdal dari sembahyang berjemaah di rumah, kerana syarak Islam mengambil berat pada mengimarahkan (meramaikan) Masjid, menurut pendapat Al-Imam Ibnu Hajar Rahimallahu Taala.

Kadar jauh pergi ke tempat berjemaah dari rumah itu iaitu memadailah sekira-kira seseorang itu keluar dari rumahnya menuju ke tem-

pat jemaah itu, dengan sekira-kira ia tiada dapat kesusahan yang zahir dan menanggung keberatan yang nyata, pada mendapatkan sembahyang jemaah itu.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah: "Sunat bagi Imam itu berusaha sembahyang pada awal waktu, tetapi sesudah berlalu masa kadar orang-orang datang berhimpun, dan membuat perkara-perkara sebab bagi menunaikan sembahyang sekadar masa yang adat biasa, kemudian

Siri ke-226

Imam sembahyang dengan orang-orang yang ada itu, sekalipun sedikit."

Begitulah juga seperti yang tersebut dalam al-Mughni Lil Khatib dan an-Nihayah-lir-Ramli dan lain-lain kitab Fiqh.

Berkata Al-Imam al-Habib Abdullah bin Umar bin Yahya Al Alwi Al Husaini dalam kumpulan Fatwanya, ketika mengulas ibarat di atas ini:

Ketahuilah dari perkataan-perkataan yang

di atas ini, bahawa sunat bagi Imam itu bersegera mendirikan sembahyang pada awal waktu, dengan orang-orang yang telah hadir itu, dan jangan menunggu makmum lebih dari kadar itu, dan menunggu yang sunat itu, ialah kadar zaman dan masa dari lepas masuk waktu itu sekira-kira sempat orang yang sederhana kelakuannya itu pergi Qada hajat, dan bersuci taharah, dan sembahyang sunat ratibah Qabliyah sekadar masa serendah-rendah kamal sembahyang (adna al Kamal) dan bagi

mendekatkan pada faham luas waktunya itu, iaitu sekadar masa membaca setengah juz Quran iaitu sekadar suku jam, melainkan pada sembahyang Maghrib, kerana sunat dicerikan di antara azan Maghrib dan iqamah sekadar masa yang sedikit jua, maka itulah kadar waktu yang sunat bagi Imam melewati sembahyang dari lepas masuk waktu sehingga kadar itu maka jika ia lewatkan lebih dari kadar itu, maka dia telah menyalahi sunat Rasulullah, dan jika ia

lekaskan dari kadar itu, maka ia juga telah menyalahi sunat perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Dan masuk Imam itu dalam golongan Imam-Imam yang disabdakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam iaitu Imam-Imam yang mematuhi sembahyang, bagaimana hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim.

WALLAHUAKLAM



Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal.

wang pelacuran yang bukan sahaja tidak mendatangkan pahala dan berkat malah mendatangkan dosa laknat," jelas Y.B. Pehin Datu Imam.

Oleh itu, katanya, sebagai umat Islam kita perlu memastikan cara-cara yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak agama dalam kita berlumba-lumba membuat kebajikan untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

SERAPKAN AJARAN UGAMA DALAM KEGIATAN BELIA

Oleh: Muhaimin HM

kemungkinan.

Islam menuntut setiap umatnya bersifat positif terhadap masyarakat dan pergolakan yang berlaku di dalamnya tambahna, di mana di satu pihak mereka disuruh memberi kebajikan kepada masyarakat dan di pihak lain mereka dikehendaki bertindak mencegah dari

sebarang kejahatan.

Katanya, kedua-dua kewajipan itu hendaklah diberi keutamaan kerana Islam mahukan masyarakat yang aman makmur, maju dan bahagia di samping masyarakat yang bersih dari gejala-gejala buruk dan dosa.

Y.B. Pehin Datu Imam seterusnya berkata bahawa satu kaedah dalam Islam yang patut menjadi garis panduan dalam sebarang kegiatan belia ialah menolak kejahatan dan kemudharatan hendaklah diutamakan daripada mendapat faedah dan keuntungan kerana jika sesuatu perkara dan kejahatan, dosa atau mudarat sekalipun berguna, berfaedah atau mengun-

tungkan maka di dalam ugama perkara itu perlu dihindarkan dari dilakukan.

"Maka jika ada badan-badan tertentu yang berusaha mengumpulkan wang dengan cara berjudi termasuk 'tombola' umpamanya, walaupun dari segi undang-undang tidak jadi apa-apa dan banyak mendatangkan faedah tetapi kegiatan itu tidak dibenarkan oleh ugama. Hasil dan keuntungan yang diperolehi daripadanya tidak halal dan tidak suci dan tidak berfaedah dijadikan sedekah atau derma bagi membantu orang-orang susah kerana kaedahnya sama seperti naik haji dengan hasil wang curian atau bersedekah dengan hasil

baru ini bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Anggerak Desa, Y.B. Pehin Datu Imam berkata setiap umat Islam mempunyai kewajipan terhadap masyarakatnya dalam memastikan wujudnya kebajikan dalam masyarakat itu bukan hanya secara turut serta tetapi aktif di dalamnya untuk menghindarkan sebarang kejahatan dan

BERAKAS. — Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei, menyeru Majlis Belia-Belia supaya mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi menyebarkan ajaran Islam di kalangan belia dan kegiatan mereka bagi menjamin negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam beraja untuk selamanya.

Berucap demikian ketika merasmikan Kongres Agung Perwakilan Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam 1984 baru-

Tambang dan bank draf menunaikan haji

DIMAKLUMKAN kepada semua bakal-bakal haji tahun 1984 yang telah mendaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju memilih Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk membawa bakal-bakal haji bagi tahun 1984/1404 Hijrah menurut kadar tambang seperti berikut: —

(a) Orang dewasa — B\$2,350.00

(b) Kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun — B\$1,200.00

(c) Kanak-kanak berumur di bawah 2 tahun — B\$240.00

Adapun Bank Draft bagi tiap seorang bakal haji dewasa ialah sebanyak 5,555.00 Rial Saudi yang dianggarkan bersama dengan wang Brunei sebanyak B\$3,450.00, dan kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun ialah sebanyak 2,927.50 Rial Saudi bersamaan kira-kira dengan wang Brunei sebanyak B\$1,818.00, sementara kanak-kanak berumur di bawah 5 tahun tidak dikehendaki membuat Bank Draft.

Oleh yang demikian bakal-bakal haji yang akan pergi dengan tambang sendiri

adalah dikehendaki menjelaskan harga tambang dan Bank Draft mereka serta membawa pasport untuk urusan membuat Bank Draft ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan dari 1.30 tengah hari hingga 2.30 petang. Pembayaran juga boleh dibuat pada hari Jumaat mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan hari Sabtu mulai jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi pada tarikh-tarikh seperti berikut: —

Pada hari Rabu 16 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1 hingga 150.

Pada hari Khamis 17 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 151 hingga 300.

Pada hari Jumaat 18 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 300 hingga 450.

Pada hari Sabtu 19 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 451 hingga 550.

Pada hari Isnin 21 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 551 hingga 700.

Pada hari Selasa 22 Mei

1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 701 hingga 850.

Lihat muka 5

Libatkan diri dalam projek ekonomi

BERAKAS. — Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam menggesa kaum belia supaya melibatkan diri dalam projek-projek ekonomi seperti kedai koperasi belia, ladang belia dan membantu belia yang tercir di bidang latihan dan pekerjaan.

Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain berkata untuk membina MBB dan belia dalam memberi sumbangan kepada negara ini perlu dihapuskan perkara-perkara yang remeh dan bercakara sesama sendiri.

Beliau menegaskan secara terus terang bahawa sesiapa yang tidak sanggup memenuhi hasrat dan matlamat MBB silalah berundur diri dan ini termasuk diri beliau sendiri.

"Saya senang hati jika dalam tempoh pimpinan saya

dapat melihat MBB memajukan Syarikat Kerjasama MBB, membina satu Pusat Belia antarabangsa kepunyaan belia negara ini di mana belia mengganggu dapat dilatih dalam penyediaan makanan dan pengurusan hotel di Kompleks Belia Antarabangsa dan lainnya. Jika pertubuhan belia di negara lain boleh membina kompleks hotel dan pusat perniagaan kenapa pula kita di MBB tidak boleh," ujarnya.

Berucap ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Kongres Agung Perwakilan 1984 Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah baru-baru ini, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein berkata MBB perlu mengembeling tenaga intelektual sebagai barisan hadapan pucuk pimpinan dengan membuat perubahan-



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

perubahan yang radikal demi mencapai kemajuan dan kehendak negara ini.

Di peringkat serantau dan antarabangsa khususnya dalam masyarakat Belia Antarabangsa MBB bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan tersebut, gabungan itu katanya, membawa MBB di bidang kerjasama dan sumbangannya dalam isu-isu serantau dan

antarabangsa tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti di dalam MBB.

Kematangan kepimpinan, tambah beliau, tidak lagi diukur di peringkat MBB tetapi di dalam konteks ASEAN, ASIA bahkan di peringkat Rancangan Belia Komanwel (CYP).

Kira-kira 100 orang telah menghadiri kongres tersebut yang terdiri dari wakil-wakil persatuan di seluruh negara dan persatuan-persatuan yang bergabung dengan MBB. Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Awg. Roslan bin Adnan, Johan Qari Peringkat Belia seluruh negara 1983.

Perasmiaannya telah disempurnakan oleh Y.B. Pehin Datu Imam, Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei. Doa selamat dibacakan oleh Pg. Haji Badaruddin bin Pg. Haji Damit.

WUDUK MEMBASUH DOSA

MARILAH kita sama-sama bertakwa dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita telah mengetahui dengan sempurna apa itu 'wuduk', hukum wuduk dan hubungannya dengan ibadat-ibadat yang lain seperti sembahyang, tawaf, membaca Quran dan lain-lain. Semua itu telah kita ketahui. Asal hukum wuduk itu seperti fir-

man Allah Taala dalam Surah Al-Maidah ayat 6 lebih kurang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berdiri hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah muka kamu dan tangan-tangan kamu hingga ke siku. Dan sapulah kepala kamu dan basuhlah kaki-kaki kamu hingga ke buku lali."

Maksud ayat ini, sesiapa yang hendak sembahyang maka wajiblah atasnya wuduk yang sempurna.

Selain dari mengetahui hukum wuduk di dalam ibadat-ibadat tertentu seperti sembahyang, ia juga mempunyai fadhail atau kelebihan-kelebihan yang perlu diketahui dan diambil berat. Dengan mengetahuinya, kita akan bertambah minat lagi dan subur kesedaran untuk mendapat sesuatu daripadanya berdasarkan seperti yang diterangkan oleh hadis-hadis Nabi Salallahu Alaihi Wasallam. Sebuah hadis ada menyebut yang maksudnya:

"Barangsiapa yang mengambil wuduk lalu ia membaikkannya wuduknya itu (menyempurnakan rukun dan syaratnya) kemudian ia berdiri mengerjakan sembahyang maka sesungguhnya keluar ia dari kesalahannya seperti hari ia diperanakkan oleh ibunya." (diampunkan dosa-dosanya).

RAHSIA


Disunatkan membasuh atau menyapu tiap-tiap anggota wuduk itu tiga-tiga kali. Mengenai dengan bilangan-bilangan kali membasuh ini juga ada rahsianya mengikut keterangan hadis Nabi Salallahu Alaihi Wasallam. Di dalam kitab Al-Jauhirul Mauhubu Wamunabbihatul Qulub' hal ini diterangkan seperti berikut: "Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wasallam bahawa asal wuduk itu bagi tiap-tiap anggota adalah sekali. Maka barangsiapa yang mengambil wuduk

dua-dua kali adalah baginya dua ganda pahala. Dan barangsiapa mengambil wuduk tiga-tiga kali maka ini ialah wuduk Nabi-Nabi sebelum aku."

Demikian juga keterangan ini telah disebut oleh Al-Imam Al-Ghazali di dalam 'Ihya' nya. Daripada Saidina Umar Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Salallahu Alaihi Wasallam ada bersabda lebih kurang maksudnya: "Apabila selesai seorang daripada kamu berwuduk maka hendaklah ia berkata: 'Ashadu an lailaha illallah wahdahu la syarikalahu wa asyhadu anna Muhammadan Abduhu warasulluhu. Dan pada setengah riwayat ditambah seperti doa ini: Allahummajalni minat-tawwabina wajalni minalmutatahhirin wajalni min ibadikassalihin subhanaka Allahumma wabihamdika asyhadu anlaha illa anta astaghfiruka waatubu ilaika, dibukakan pintu syurga yang lapan maka masuklah orang itu dari mana juga pintu yang dikehendakinya."

MENGELUARKAN DOSA

Daripada sebuah riwayat yang lain ada pula menyebut yang lebih kurang maksudnya: "Tiadalah seseorang yang mengambil air sembahyang maka berkum-kum ia dan memasukkan air ke hidungnya kemudian dikeluarkannya melainkan




keluarlah dosa daripada mulut dan hidungnya, kemudian air itu membasuh mukanya seperti yang disuruh oleh Allah, melainkan keluarlah dosa mukanya, kemudian membasuh dua tangannya hingga dua siku seperti yang disuruh oleh Allah melainkan keluarlah dosa dua tangannya kemudian menyapu kepalanya seperti yang disuruh oleh Allah melainkan keluarlah dosa kepalanya daripada hujung rambutnya, kemudian membasuh dua kakinya hingga buku lali seperti yang disuruh oleh Allah melainkan keluarlah dosa dua kakinya daripada hujung jari-jari kakinya...."

Demikianlah di antara beberapa keutamaan wuduk menurut beberapa riwayat. Dari maksud riwayat-riwayat ini, mengisyaratkan kepada

kita tentang galakan agama Islam menyuruh umatnya supaya memelihara wuduk dan sentiasa mengelokkannya. Ada kelebihan bagi orang-orang yang berwuduk hatta kepada orang tidur yang ada air sembahyang atau wuduk sebelum tidurnya seperti kata hadis yang bererti: "Orang tidur dalam keadaan suci itu sama pahalanya dengan orang puasa yang berdiri sembahyang malam."

M u d a h - m u d a h a n keterangan yang ringkas ini akan sama-sama mendapat perhatian yang baik dari kalangan umat Islam supaya membiasakan diri di dalam bersih mempunyai air sembahyang walaupun bukan dalam sembahyang atau ketika hendak sembahyang kerana perbuatan ini amat bagus dan mendapat ganjaran pahala dari sisi Allah.



WANITA ini sedang berwuduk untuk menunaikan sembahyang Wuduk yang sempurna boleh menghapus dosa.

Tambang haji

Dari muka 4

Pada hari Rabu 23 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 851 hingga 1,000.

Pada hari Khamis 24 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,001 hingga 1,150.

Pada hari Jumaat 25 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,151 hingga 1,300.

Pada hari Sabtu 26 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,301 hingga 1,450.

Pada hari Isnin 28 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,450 hingga 1,600.

Pada hari Selasa 29 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,601 hingga 1,650, dan untuk semua bakal-bakal haji Daerah Temburong.

Pada hari Rabu 30 Mei 1984. Untuk bakal-bakal haji Daerah Tutong dari bilangan pendaftaran bilangan 1 hingga 24.

Pada hari Isnin 4 Jun 1984. Untuk bakal-bakal haji Daerah Belait dari bilangan pendaftaran 1 hingga 221.

Bagi bakal-bakal haji yang menunaikan fardu haji

dengan kurnia tambang Kerajaan dan kurnia Majlis Ugama Islam tarikh dan masa pembayaran tambang dan Bank Draft akan dimaklumkan kemudian. Oleh yang demikian bagi mereka yang terkandung dalam bilangan pendaftaran pada hari-hari pembayaran yang ditetapkan kepada bakal-bakal haji dengan tambang sendiri tidaklah dikehendaki datang pada hari-hari yang berkenaan.

DI SAMPING akal, ke-pada manusia yang singkat hidup di permukaan bumi ini telah juga dikurniakan Allah petunjuk, yang dinamakan jalan lurus atau agama. Dengan perantaraan nabi-nabi dan para rasul, dengan kitab-kitab suci-Nya iaitu Kitab Taurah, Injil, Zabur tetapi semua kitab-kitab itu telah hilang dan diganti pula oleh Allah dengan Kitab Suci Al-Quran. Akal manusia mestilah selalu didampingi terus dengan Kitab Al-Quran, kalau tidak maka manusia akan sesat dan menjadi jahatlah manusia itu.

Iblis atau Syaitan yang menjadi musuh manusia, yang sebenarnya adalah makhluk yang berakal pula sehingga kalau ia dihadapi manusia hanya dengan akal

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16 Mei, 1984 hingga ke hari Selasa 22 Mei, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
16-20	12.23	3.39	3.40	6.31	6.32	7.43	7.44	4.50	4.37	4.51	6.04	6.05
21-22	12.23	3.40	3.41	6.32	6.33	7.44	7.45	4.50	4.37	4.51	6.04	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

IMAN SENJATA MELAWAN IBLIS

sahaja, sering manusia tewas, iblis menang, kerana ia melihat kita dan kita tidak dapat melihatnya. Apalagi iblis atau syaitan di dalam perlawanannya terhadap manusia selalu menggunakan seluruh kekuatan yang ada padanya tanpa mengingati moral atau akhlak.

Kelebihan akal manusia dari akal iblis dan syaitan ialah kerana akal manusia dapat menerima petunjuk Allah (agama), sedang akal syaitan atau iblis tidak dapat menerima petunjuk Allah yang dinamakan agama itu.

Tetapi tidak dapat dibantah dan sungguh menyedihkan. Tidak semua manusia dapat menerima hidayat Allah dengan akalnya kerana pengaruh dan per-

dayaan dari syaitan. Kebanyakan manusia berpaling atau tidak menghiraukan akan petunjuk Allah itu. Kerana ajakan perdayaan atau pengaruh syaitan atau iblis banyak manusia tidak pandai mensyukuri nikmat Allah. Mereka menjadi fasik, membenci akan kebenaran, tidak beriman, tidak betul jalan fikiran atau salah pendapat, bodoh dan sebagainya. Firman Allah Taala dalam Surah Al-A'kraaf ayat 17 yang tafsirnya kira-kira: "Kemudian itu saya datang kepada mereka memperdayakan dari depan dari belakang, dari kanan dan dari kiri mereka. Sehingga kebanyakan mereka itu (manusia) tidak tahu bersyukur."

Selain dari ayat yang

Menuju keredaan Allah

disebutkan tadi, banyak lagi disebut di dalam Al-Quran berhubung dengan iblis dan syaitan yang sering mengganggu dan memperdayakan jenis manusia ini di antaranya dalam Surah Al-Maidah ayat 62, dalam Surah Al-Zukhruf ayat 78, dalam Surah Al-Baqarah ayat 99 dan 100, Surat Al-Ankabut ayat 63.

Demikianlah Allah mengkhabarkan kelemahan-kelemahan manusia

menghadapi iblis dan syaitan dan demikian pula kekuatan iblis syaitan itu.

Walaupun demikian, janganlah kita menjadi kecut atau khuatir. Kepada kita manusia sudah dikurniakan Allah satu kekuatan ajaib sehingga iblis dan syaitan menjadi tidak terdaya jika berhadapan dengan kita manusia bilamana kita mempunyai kekuatan atau senjata tersebut.

Senjata yang saya sebutkan untuk melawan iblis dan syaitan itu bukannya benda atau senapang dan lain-lain, tetapi iman kepada Allah, istiaazah (selalu menyebut) Auzubillahi minas syaitanir rajim dan selalu kita mengamalkan zikir mengingatkan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sultan Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ampun beribu ampun, sembah hamba Duli Tuan Patik junjung diampun,

Terlebih dahulu hamba Duli Tuan Patik dengan segala hormat serta takzim menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bagi hamba Duli Tuan Patik menunjukkan syarahan hamba Duli Tuan Patik ini kepada para hadirin di dalam perkumpulan yang berkat pada malam ini.

Sidang hadirin yang di hormati sekalian,

Berkata Al-Alim Ahmad Asshahawi Sa'ad Sharafuddin, di dalam Kitabnya Samirus Salehin: "Bahawa keadilan itu adalah suatu perkataan yang amat indah, yang menarik hati, yang manis dan menggetarkan serta menawan perasaan dan jiwa. Kerana dengannya cita-cita tercapai, semua pekerjaan berhasil dan berjaya, segala hak terbelah dan terpelihara. Dan demikian juga dengan keadilan itu, muka bumi ini menjadi makmur, dunia berkembang maju, keamanan mantap, undang-undang dan peraturan berjalan lurus. Dan tiadalah berpegang kepada keadilan itu, melainkan hancurlah orang-orang yang bersih jiwanya dan yang merasa terikat dengan Allah Taala."

Demikian ungkapan yang bernas dari seorang 'Alim dan 'Arif dalam ilmu agama Islam yang maha suci. Perkataan Ulama ini tentulah tidak sama dengan teori-teori ilmiah biasa. Jika pakar-pakar ilmu biasa berteori berdasarkan akal mereka, tetapi ulama ini berhujah dengan sandaran Al-Quran dan Hadis-Hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam. Firman Allah Taala, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah Taala amat suka kepada orang-orang yang adil." Firman-Nya lagi tafsirnya: "Sesungguhnya Allah Taala memerintahkan supaya berlaku adil dan ihsan." Firman-Nya lagi tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, berlaku adillah kamu, kerana adil itu lebih hampir kepada takwa."

BERTINDAK TEGAS

Berdasarkan dari perintah perintah Al-Quran inilah, maka Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam tidak ada pilihan lain, melainkan bertindak tegas melaksanakan keadilan itu ke atas manusia. Baginda lakukan ini, kerana ia adalah amanah, amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana Firman-Nya: Tafsirnya: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu agar menunaikan amanah pada ahlinya, dan apabila kamu menghukum di antara manusia, maka hukumlah dengan adil, bahawa inilah ajaran Allah yang sebaik-baiknya, sesungguhnya Allah itu maha mendengar lagi maha melihat."

Kerana berlaku adil itu adalah merupakan amanah terbesar daripada Allah. Sementara Nabi padamas

itu menjadi Ketua atau kepala yang memikulnya. Maka Baginda telah menjadi contoh yang terindah dalam perkara melaksanakan keadilan ini. Iaitu dengan kesedaran, bahawa hanya dengan berlaku adil sahaja orang-orang Islam akan jadi ternama, hanya dengan berlaku adil sahaja Allah akan menyelamatkan kita, hanya dengan berlaku adil sahaja rahmat Allah akan turun, hanya dengan berlaku adil sahaja nikmat keamanan dan kemakmuran kita kecap, hanya dengan berlaku adil sahaja Kerajaan-Kerajaan Islam akan tahan lama dan kekal wujudnya di muka bumi ini dengan izin Allah Subhanahu Wataala.

Maka lantaran itulah, Nabi Salallahu Alaihi Wassalam amat marah sekali, jika ada orang-orang yang cuba menggugat, menggugat hukum Allah, menggugat keadilan. Kerana Baginda tahu, jika roboh keadilan maka akan roboh pulalah umat dan negara. Kerana itu dalam perkara menjunjung dan melaksanakan keadilan ini, Nabi Salallahu Alaihi Wassalam tidak ada tolak ansur sama sekali. Sebagaimana disebut dalam riwayat yang sangat masyhur yang menceritakan tentang seorang perempuan Bani Makhzum yang telah mencuri. Dia adalah seorang perempuan dari keluarga yang ternama dan mulia dalam dua masa sekali. Masa Jahiliyah dan masa Islam. Seperti telah menjadi ketetapan Syarak, bahawa tangan perempuan ini tidak boleh tidak mesti potong. Lalu berfikir orang-orang Bani Makhzum, mereka sungguh-sungguh berhasrat untuk menyelamatkan perempuan ini dari dipotong tangan. Lalu dicarilah jalan, dan pada akhirnya mereka teringat, bahawa di dalam rumah Nabi pada masa itu, ada seorang pemuda yang bernama Usamah bin Zaid.

Nabi sangat sayang kepadanya. Kelakuannya sungguh baik, cakupnya terpakai. Pendek kata seolah-olah Usamah bukanlah Usamah bin Zaid lagi, tetapi Usamah anak Muhammad yang sangat-sangat Baginda kasihilah. Lalu dengan bersembunyi-sembunyi Ketua-Ketua kaum Bani Makhzum pun meminta jasa baik Usamah, pintakan kepada Rasulullah supaya tangan perempuan ini jangan dipotong, kalau hendak dihukum pun hukumlah cara lain — ataupun jika dapat dikansel terus lagi baik. Maka menghadaplah Usamah ke hadapan majlis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, mengecek-gecek, meminta dan merayu, maklumlah anak dengan bapa. Tetapi wahai para hadirin, apa reaksi Nabi Salallahu Alaihi Wassalam? Apa tindak balas Baginda apabila mendengar permohonan Usamah ini? Dengan muka yang merah padam Baginda bersabda:

Ertinya: Celaka engkau wahai Usamah! Adakah engkau berhajat untuk

BERIKUT ialah syarahan khas di dalam Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran bahagian dewasa peringkat negara 1404/1984 kali yang ke-24 pada 9 Syaaban, 1404 bersamaan 9 Mei, 1984 (malam kedua) bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

menutup-nutupi hukum dari hukum-hukum Allah? Demi Allah, sekiranya Fatimah binti Muhammad sendiri mencuri nescaya aku potong juga tangannya. Sesungguhnya adapun sebab hancurnya umat-umat sebelum kamu, ialah kerana apabila orang-orang besar dan mulia dari kalangan mereka mencuri, mereka biarkan sahaja, sebaliknya apabila miskin atau silemah yang mencuri, mereka potong tangannya."

Begitulah para hadirin, hadis ini menerangkan kepada kita, bahawa kehancuran umat-umat dahulu kala adalah disebabkan oleh kerana mereka tidak berlaku adil. Mereka hanya menghukum orang-orang rendah, orang lemah dan orang-orang miskin, sementara orang kuat dan orang kaya mereka lepaskan begitu sahaja. Ini semua menurut Rasulullah adalah menjadi punca kecelakaan, menjadi sebab hancur dan punahnya bangsa-bangsa itu.

KEHANCURAN UMAT

Itu adalah mengenai orang-orang dahulu kala. Tetapi sebenarnya di dalam zaman apa pun boleh berlaku umat-umat atau bangsa-bangsa yang zalim itu akan hancur dan musnah pada akhirnya. Berapa banyak sesudah zaman Nabi Salallahu Alaihi Wassalam, sesudah zaman sahabat dan zaman-zaman berikutnya, kerajaan-kerajaan yang besar-besar tertubuh berdiri dengan megahnya dengan kuatnya, tetapi kerana kezaliman, kerana dosa, maka akhirnya hanya tinggal nama sahaja — demikian pula dalam sejarah moden jika diteliti dengan mendalam, terdapat di sana sini kerajaan-kerajaan yang runtuh, atau sekurang-kurangnya yang kacau-bilau dan tidak mantap, setahun dua tahun roboh, ganti dengan yang lain, atau paling lama 5 hingga 10 tahun kemudian gulung tikar, ganti dengan yang lain. Semua itu jika dicari rasiannya, pasti ada, tidak boleh tidak berpunca dari kezaliman, dari derhaka kepada Allah Subhanahu Wataala. Macam-macam perkara zalim ini, wahai para hadirin. Bukan membunuh sahaja dinamakan zalim. Rasuah adalah kezaliman, tidak amanah adalah kezaliman, mengizinkan maksiat dan munkarat adalah kezaliman, melanggar undang-undang dan peraturan adalah kezaliman dan bermacam-macam lagi. Semua orang, kecil besar, tidak berpangkat atau jika melakukan ini, bermakna mereka itu adalah zalim, yakni kezaliman itu bukanlah khusus dilakukan oleh satu-satu golongan sahaja. Ingatlah! Bahawa Allah

sama sekali tidak mahu terlibat pada memelihara kedudukan orang-orang zalim, Allah sama sekali tidak mahu terlibat menjadi pembela kepada orang-orang zalim sebagaimana Firman-Nya: "Dan bagi orang-orang yang zalim itu tidak ada penolongnya." Demikian juga Allah sama sekali tidak mahu terlibat untuk kemenangan percuma kepada orang-orang zalim sebagaimana Firman-Nya tafsirnya: "Sesungguhnya tidak akan berjaya, tidak akan selamat dan tidak akan menang orang-orang yang zalim itu."

Jadi terbukti, jika kezaliman itu punca celaka, maka pasti keadilan menjadi sumber bahagia. Adil itu sahabatnya ialah ihsan. Kedua-duanya tidak boleh berpisah. Orang adil adalah orang baik-baik, pasti dia seorang yang baik, tidak boleh tidak. Seorang pengasih, pemurah, tidak bakhil dan amanah serta banyak takutnya kepada Allah. Firman Allah Taala tafsirnya: "Sesungguhnya Allah memerintahkan supaya berlaku adil dan berbuat ihsan (kebajikan)." Manakala kedua-dua sahabat ini (adil dan ihsan) berjalan seiring atau serentak, maka tidak boleh tidak pintu langit, pintu bumi akan terbuka mencurahkan rahmatnya, rahmat bahgia, rahmat makmur, rahmat aman damai, rahmat sejahtera.

HARGA ADIL

Sebab itulah harga adil itu bukan alang kepalang mahalnya di sisi Allah, kerana kesannya, faedahnya bukan sahaja kepada orang yang berlaku adil itu sendiri, tetapi kepada semua, kepada negara, kepada bangsa dan bahkan kepada siapa sahaja yang turut bernaung dan terlindung. Kerana itu, harga adil itu dibayar oleh Allah dengan amat mahalnya, bukan satu riba, bukan sepuluh ribu, bukan satu juta, bukan satu bilion, bukan! Tetapi sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam eritanya: "Satu saat berlaku adil seorang pengawas, seorang ketua, lebih baik dari ibadat 60 tahun, dan satu saat berlaku zalim pula lebih dahsyat dan lebih besar dari maksiat 60 tahun."

Hadis ini hadis sahih, kita petik dari kitab Al-Jamilu Saghir karangan Al-Imam As-Suyuthi r.m.

Sekarang, mari kita periksa, dari kitab Al-Jamilu Saghir karangan Al-Imam As-Suyuthi r.m.

Abdul Rahman Al-Jauzi yang mati tahun 597 Hijrah.

Di dalam kitab tersebut, telah ditulis suatu fasal yang berbunyi lebih kurang: "Ketahuilah bahawa niat baik seorang penguasa atau raja terhadap rakyatnya, membawa kesuburan dan makmur pada bumi, sementara niat curang dan zalim terhadap rakyatnya mengakibatkan tandus dan kemiskinan".

Di bawah fasal ini, telah dipaparkan sebuah kisah lebih kurang terjemahannya:

Telah mengkhabarkan kepada kami Mohammad bin Nassir, katanya: Telah bercerita kepada kami Mahfuz bin Ahmad, katanya: Telah bercerita kepada kami Abu Ali Al-Jaziri yang disampaikan kemudian kepada Ibnu Saib langsung daripada bapanya, kata bapanya:—

Pada suatu hari Kisra Raja Parsi telah keluar berburu. Tiba-tiba dilihatnya seekor binatang. Lalu dengan amat asyik sekali diikutinya jejak binatang itu sehingga putus hubungannya dengan para pengawalanya. Hujan kemudian turun dengan lebatnya menyebabkan Kisra tiada tahu lagi ke mana hendak dituju. Di dalam keadaan yang serba salah begini tiba-tiba nampak oleh Kisra sebuah gubuk, dan dipintu gubuk itu berdiri seorang perempuan tua. Lalu dihampirinya dan berkata: "Boleh saya masuk?" Jawab perempuan tua itu: "Boleh, silakanlah!"

Maka Kisra pun masuklah. Bila hari hampir malam, masuk pula seorang kanak-kanak perempuan dengan mengheret seekor lembu betina. Kanak-kanak ini ialah anak kepada perempuan tua tadi. Dan adapun lembu itu ialah satu-satunya lembu mereka yang digembala oleh kanak-kanak itu dari pagi hingga ke petang pada tiap-tiap hari. Lembu itu diletakkan di dalam kandangnya. Semua ini diperhatikan oleh Kisra dengan penuh perhatian.

Kejadian berikut, perempuan tua tadi datang menghampiri lembu dan memerah susu lembu itu. Alangkah terkejutnya Kisra apabila melihat susu yang diperah itu mencurah-curah keluar dengan lebatnya. Ini menyebabkan terniat di dalam hati Kisra: "Jika begini halnya, aku mesti kenakan cukai ke atas lembu-lembu. Lembu ini sungguh banyak mengeluarkan susu."

Diringkaskan kisah, setelah larut malam, perempuan tua itu menyuruh pula anaknya supaya memerah susu. Tetapi apabila diperah ternyata tabung susu lembu itu kempis tidak berisi susu. Mendapati ini, anak perempuan itu terpekik:

"Wahai ibu! Demi Allah! Ketua kita ini ada menyimpan niat yang tidak baik kepada kita."

"Apa halnya?" tanya ibunya balik.

"Lembu kita tidak mengeluarkan susu walau setitik pun."

"Tak mengapalah, biarkan, tunggu sebentar lagi," kata pula ibunya. Sementara Kisra sendiri dalam hatinya berkata: "Dari manakah anak kecil

ini tahu isi hatiku? Kalau begini, aku bersumpah, tidak akan melaksanakan niatku itu."

Setelah berlalu beberapa ketika, perempuan tua tadi menyuruh lagi anaknya memerah susu lembu itu. Si anak pun bangun dan kemudian mendapati bahawa kali ini tabung susu lembu penuh berisi semula, menyebabkan ia terpekik sekali lagi:

"Wahai ibu! Demi Allah! Niat jahat penghulu kita telah hilang — hapus dari hatinya."

Mendengar ini, Kisra semakin hairan dan hairan, lalu dia pun bertanya: "Wahai budak, dari manakah engkau tahu akan isi hatiku?"

Ibunya yang menjawab: "Ampun Tuan! Sebenarnya kami ini telah lama tinggal di sini dan kami telah terbiasa benar apabila ketua berlaku adil, maka makmurlah negeri dan senangnya kehidupan kami. Tetapi apabila Ketua zalim, maka payah dan sukarlah kehidupan itu."

Demikian para hadirin yang dihormati, kisah ini mengandung ibarat yang terang, bahawa kesan dari keadilan itu ialah kebahagiaan dan kemakmuran, sementara kesan dari kezaliman pula ialah bencana, penderitaan dan kurang hasil bumi.

Manakala kita alhamdulillah, negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang subur lagi makmur, suatu kurnia dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala. Bermula dari tahun 1913, sejarah penyelidikan minyak telah bermula di negara ini. Dan lebih kurang sesudah 16 tahun usaha-usaha itu dijalankan maka pada tahun 1928 telaga minyak yang pertama telah digali di Seria. Demikian menurut report Brunei Shell Petroleum Company — 1978.

Bermula dari sejarah penemuan minyak di Brunei, Negara ini telah maju dan berkembang dari masa ke semasa dengan tidak henti-hentinya. Ini semua menandakan bahawa pintu rahmat sentiasa terbuka di bumi bertuah ini. Dan ini, jika hendak diambil iktibar dari fakta-fakta Hadis dan kisah Raja Kisra di atas, maka bermakna dalam Negara Brunei Darussalam ini ada Raja-Raja, ada Ketua-Kepala, ada Ketua-Ketua, ada penguasa-penguasa yang adil, yang berperang dengan ihsan, yang mempunyai niat bersih, ikhlas dan luhur terhadap rakyat jelata.

Kita berdoa mudah-mudahan keadaan ini akan terus berlanjutan hingga ke akhir zaman, Negara Brunei bukan sahaja makmur, bukan sahaja kaya dengan hasil minyak dan lain-lain, tetapi juga, bahkan tidak kurang pentingnya kaya dengan keadilan, kaya dengan ihsan dan kaya dengan takwa agar Brunei selama-lamanya selamat, raja-rajanya selamat, pemimpin-pemimpinnya selamat dan sekalian rakyat jelata selamat dengan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wataala di bawah

sudut Royal Brunei سودوت

RBA HANTAR WAKIL KE SEMINAR PATA


BANDAR SERI BEGAWAN. — Pata (Pacific Area Travel Association) iaitu gabungan Hongkong Hotel Chapter dan ejen pelancongan dari Hongkong telah mengendalikan satu seminar baru-baru ini. Seminar tersebut adalah untuk memberi maklumat yang lebih tepat tentang tanah jajahan itu kepada para ejen pelancongan Brunei. Penerbangan

Diraja telah menghantar empat orang wakilnya ke seminar itu.

Menurut Awang Sulaiman bin Abdul Kani yang juga salah seorang peserta seminar, mulai dari bulan Disember tahun ini Hongkong akan mempunyai sebanyak 20,000 buah bilik hotel dan sebuah masjid yang telah pun dibina di kawasan tanah seluas 160,000 kaki persegi.

Menurut beliau lagi pada masa ini sudah terdapat berpuluh-puluh restoran Islam yang dikendalikan oleh orang-orang Islam dari Pakistan dan keturunan Arab yang boleh dikunjungi sementara di hotel-hotel, makanan bagi orang-orang Islam juga boleh didapati dengan membuat tempahan awal.

Seminar yang memakan masa dua jam setengah itu telah mendapat sambutan hangat dari para peserta di mana beberapa masalah telah diketengahkan dan dapat diselesaikan.



DK Jamilah bte Pg. Salleh dari Perkhidmatan Pelanggan menerima sijil yang disampaikan oleh Awang Ernest Tan.

Kursus A.T.A.C.S.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pelanggan telah mengadakan kursus ATACS (Applied Transactional Analysis for Customer Services) di Pusat Belia pada 7 hingga 9 Mei lepas.

Kursus yang julung-julung kali diadakan di negara ini telah dikendalikan oleh Awang Raymond Ho dari Syarikat Penerbangan Cathay Pacific, Hongkong. Beberapa orang kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan

Pelanggan tersebut beserta dengan beberapa kakitangan kabin telah mengikuti kursus tersebut.

Kursus tersebut diadakan adalah bertujuan untuk memberi pengalaman praktikal kepada kakitangan kabin khususnya untuk memudahkan lagi perhubungan dengan penumpang-penumpang. Dengan adanya kursus ini kakitangan kabin akan dapat bertutur dan bertugas secara sistematik.

Pesta Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan 14 orang dari Indonesia kini berada di negara ini untuk mengadakan Pesta Indonesia di salah sebuah hotel terkemuka di negara ini. Kedatangan mereka ke sini dibiayai oleh Penerbangan Diraja Brunei dengan kerjasama sebuah hotel terkemuka di negara ini dan Mandarin Hotel di Jakarta.

Pesta itu telah bermula pada 8 Mei lepas dan akan berakhir pada 21 Mei ini. Pesta itu diadakan di negara

ini adalah untuk memberi gambaran tentang Indonesia di samping memperkenalkan masakan dan kebudayaan Indonesia. Antara yang diperlihatkan ialah jenis masakan Indonesia pameran jenis-jenis perak dan cara membuat batik tulen. Mereka juga mempersembahkan tarian-tarian tradisional dengan pakaian berbagai fesyen.

Sejak pembukaan Pesta itu, sambutan dari orang ramai sungguh menggalakkan.



ROMBONGAN wakil-wakil penjualan Diraja Brunei yang telah mengadakan lawatan ke Jakarta baru-baru ini.

Wakil penjualan RBA ke Jakarta

SEKUMPULAN wakil-wakil penjualan RBA telah mengunjungi ibu kota Jakarta pada 28 April yang baru lalu. Rombongan tersebut telah diketuai oleh Awang George Tan, seorang Pengurus Penjualan dari RBA.

Semasa di Jakarta, rombongan itu telah melawat tempat-tempat yang menarik yang mana di antaranya ialah

Taman Mini Indonesia Indah, Gudang Batik, Monumen Nasional dan lain-lain.

Mereka juga berkesempatan untuk berkunjung ke Pejabat Kementerian Tourism. Di sana pula wakil-wakil penjualan RBA telah menemui Bapak Joop Ave, Jeneral Tourism di mana beliau menerangkan serba sedikit tentang pelancongan

di Indonesia.

RBA berharap dengan lawatan sambil belajar di negara Indonesia, agar para wakil-wakil penjualan RBA dapatlah pengetahuan tentang negara tersebut dan menjualkan destinasi yang terbaru ini dengan mudah kepada orang-orang awam, khususnya orang-orang tempatan.

Tamat Kursus "Load Sheet"

BERAKAS. — Seramai 21 orang kakitangan Penerbangan Diraja Brunei dari bahagian Perkhidmatan Pelanggan telah menerima sijil masing-masing di bilik 'First Class' lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 26 April lepas.

Sembilan orang telah menerima sijil bagi kursus Load Sheet dan 13 orang menerima sijil bagi kursus Front-Line. Pengurus Besar Syarikat Penerbangan Singapura di Brunei, Sabah dan Sarawak Awang Ernest Tan telah menyampaikan sijil tersebut.

Kursus-kursus tersebut telah dikendalikan oleh Dayang Nancy Ho Awang Donomic Howe dan Awang Nachattar Singh dari Singapura. Ianya telah diadakan di Hangar Pejabat Besar RBA Berakas pada hujung bulan Mac dan awal bulan April lepas.



Ikuti Kursus di Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Juruteknik Ukur dari Jabatan Ukur, Awang Mat Daud bin Haji Mat Rais telah berlepas ke Tokyo pada hari Khamis lalu untuk mengikuti kursus Ukur Dasar Laut. Kursus selama enam bulan itu dikendalikan oleh Ejent Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

Kursus tersebut dibiayai oleh Kerajaan Jepun di bawah Skim Rancangan Kerjasama Teknikal untuk negara-negara membangun dengan tujuan untuk meninggikan lagi teknik dalam bidang ukur tersebut serta mempertingkatkan lagi hubungan yang baik dengan negara Jepun.

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam menyertai kursus serupa ini.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 16 Mei hingga 22 Mei 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	16.5.1985	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	16.5.1985	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	16.5.1985	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut	17.5.1985	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	17.5.1985	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd. Yusoff Katimahar	19.5.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	19.5.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	19.5.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	19.5.1984	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	19.5.1984	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	19.5.1984	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh Sungai Hancing	21.5.1984	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	21.5.1984	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	22.5.1984	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa	22.5.1984	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap	22.5.1984	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kg. Mata-Mata, Gadong	22.5.1984	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	22.5.1984	Selasa	4.30- 5.30 "

RTB

Intisari minggu ini

Drama:

'Yang Pergi
Datang
dan Hampa'

CERITA bermula dari kaum keluarga Awang Sulong yang menggambarkan kehidupan dalam kampung.

Awang Sulong adalah anak Mak Long yang merasa kecewa dalam hidupnya kerana Sulong telah ditinggalkan oleh kekasihnya Intan, setelah merantau ke luar negeri.

Ketika Sulong berada di halaman rumahnya sedang mengemaskan kayu api, Intan datang menjumpai Sulong, tetapi Sulong cuba mengajak Intan pulang ke rumah saja, kerana ditakuti tunangnya Tedong akan melihat pertemuan mereka.

Tidak lama kemudian Tedong menjumpai Intan di hadapan halaman rumah Sulong, dengan perasaan benci terhadap perbuatan Intan, Tedong telah mencabar Sulong berlawan dengannya, lalu pergelutan pun berlaku.

Dengan barisan pelakon: Asnah Ahmad, Zaini Hj. Lamat, Mairani Maaruf dan Abdul Basir Hj. Haneefa.

Siarannya akan dapat diikuti pada 18 Mei, 1984 jam 9.00 malam.

Resipi Minggu Ini:

Kuih Pau

Bahan-bahannya

- 1 kati tepung gandum
- 1 sudu gula pasir
- 1 sudu planta margerin
- 1 sudu yeast
- Sedikit garam halus.

Cara-cara membuatnya

Ayak tepung masukkan ke dalam mangkuk dan bubuh gula. Yeast rendam dengan air panas suam hingga kembang, bila cukup kembang campurkan ke dalam tepung, ulilah hingga sebat, buat bulat-bulat nipis dan taruh inti biarkan sebentar di dalam loyang kukusan sampai kembang barulah dikukus selama lima belas minit.

Bahan-bahan untuk inti

INTI MANIS:

- 1 biji kelapa buang kulit arinya dan diparut
- ½ kati gula melaka dan diiris halus
- ½ cawan minyak jagung.

Cara membuatnya

Masukkan kelapa ke dalam kualiti biar kering, baru ma-

RADIO MINGGU INI:

TOKOH DAN FALSAFAH

DETik-detik sejarah memang sukar untuk dilupakan dalam sesuatu peristiwa dunia. Biarpun ianya merupakan sejarah yang teragung atau kenangan sepintas lalu yang bukan dijadikan bahan arkib atau untuk rujukan bagi setiap pencintanya.

Dalam menyelitken kenangan inilah, makanya pihak radio telah pun mengusahakan sebuah rancangan yang dinamakan TOKOH DAN FALSAFAH. Meskipun rancangan ini cuma memakan masa yang begitu singkat, jika diukur dari jumlah perancangan dalam rancangan hariannya membawa ke rancangan mingguan radio.

Biarpun rancangan ini nampaknya pendek dan begitu singkat untuk diikuti, namun umumnya yang baru beberapa pur-nama berlalu itu dapat memberikan nafas baru dan memberikan kesan yang mendalam kepada pendengaran sepintas lalu umumnya.

Adalah lebih baik kata pendengar yang pada satu ketika memberikan komennya supaya bentuk rancangan ini dipadatkan lagi isinya.

Saya tanya kembali, isi yang bagaimana mahu dimuatkan lagi? Pendengar itu memberikan hujahnya: "Begini, sekarang rancangan Tokoh dan Falsafah ini cuma memuat antara lain kandungannya tarikh lahir dan kematian, dan tidak terkecuali pula madah yang ditinggalkannya atau falsafah yang ditinggalkannya untuk dunia dan negaranya. Apa yang saya rasa perlu

untuk ditambahkan bagi dimuatkan dalam rancangan ini ialah bentuk perjuangan dan kepimpinan seseorang tokoh itu adalah perlu dan mana-mana juga perkara yang patut difikirkan untuk dimuatkan oleh penerbit."

Hanya saya rasa, tambah pendengar itu lagi dengan penambahan bentuk isi rancangan ini, besar kemungkinan ianya boleh mengemaskan ran-

cangan yang pendek ini tetapi padat, dan pada satu ketika nanti rancangan ini boleh dipadankan semula dalam jangka waktu yang tertentu, umpamanya dikhaskan untuk rancangan 15 minit, atau sebaliknya. Dengan adanya penambahan waktu itu, sudah tentu ianya akan menambahkan pula isi rancangan yang elok dimuatkan.

Bila saya tanya menge-

nai dengan waktu siaran rancangan ini, peminat itu memberikan pendapatnya lagi dengan mengatakan: "Ya". Dalam lingkungan 12.00 tengah hari itu sudah kena pada masanya, sebab rata-rata pendengar kebanyakannya mengikuti siaran itu ketika mengiringi pulang dari bekerja, dan di waktu inilah pendengar sering diinjection dengan rancangan-rancangan yang difikirkan perlu untuk disajikan kepada pendengarnya dalam mengiringi suasana kepu-lingan pekerja.

Apa yang paling penting, sambung pendengar itu lagi ialah kita jangan lupa pula menyelitken atau dengan kata lain menonjolkan Tokoh dan Falsafah tanahair kita di beberapa zaman yang lalu untuk perbandingan dan pengetahuan generasi yang ada ini, kerana dengan jalan ini saya rasa ianya boleh menambahkan lagi semangat pelaksanaan dan semangat kenegaraan yang tulen.

Inilah keistimewaan rancangan TOKOH DAN FALSAFAH yang perlu dikedudukan menurut masa dan suasananya. Saya berharap biarlah rancangan ini akan terus hidup dan berpanjangan sampai bila-bila untuk kami pencinta radio sebagai pendengar dan peminatnya.

Sandiwara Radio:

"Pengorbanan Sinar Kemesraan
Penungguan Mengharap Kepastian"

Oleh: Noora

MINGGU ini ruangan sandiwara radio akan menyiarkan sebuah kisah yang mengutarakan tentang tanggungjawab seorang anak terhadap keluarganya yang berjudol PENGORBANAN SINAR KEMESRAAN, PENUNGGUAN MENGHARAP KEPASTIAN, tulisan Noora Brunei.

Watak Hisham sebagai pemegang peranan utama, sanggup menepikan kehidupan dan kepentingannya

sendiri demi untuk memenuhi hasratnya melihat keluarganya hidup dalam rukun dan sempurna. Idah, tunangnya sendiri pula mempunyai pandangan yang bercanggah dari apa yang dihasratkannya, walaupun Hisham tetap tabah dan sabar.

Niatnya yang utama ialah untuk membiayai perbelanjaan kedua orang tuanya untuk menunaikan haji. Setentunya, niat suci Hisham itu diterima dengan baik oleh mereka, lebih-lebih lagi kewangan memang menjadi satu dari masalah yang mereka hadapi.

Seterusnya, Hisham memutuskan untuk membelakangi perbelanjaan kepada adik-adiknya yang masih di bangku sekolah. Selain daripada itu, ia membahagi-bahagikan duit gajinya untuk simpanan adik-adiknya di bank.

Daripada sikapnya yang lebih mementingkan kerja dari membuang masa, Hisham akhirnya mengidap sejenis penyakit yang merbahaya. Hanya keluarganya saja yang mengetahui akan keadaannya yang dalam kesakitan itu, dan ia sengaja tidak mahu tunangannya Idah mengetahui akan keadaan kesihatannya. Tujuannya yang sebenar hanyalah untuk mengelakkan daripada menyusahkan orang lain.

Penyakit apakah yang dihidapi Hisham itu? Mungkinkah ia akan berjaya mencapai cita-cita untuk kepentingan dirinya sendiri, setelah kepentingan keluarganya diutamakan? Untuk mengetahui jalan cerita sepenuhnya, kami ajak para pendengar untuk mengikuti siarannya pada 20 Mei, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd. Taha.



Md Amir



Dayang Rusnani

Dendang Remaja

KELUARAN ke-20 minggu ini menghadirkan dendangan Md Amir Omarali dari Dacrah Tutong dan Rusnani Abdul Hamid dari Dacrah Brunei-Muara. Kedua penyanyi remaja ini akan diiringi oleh band Heart's Desire pimpinan Osman Haji Bakar.

Rancangan ini akan dapat awda ikuti pada hari Jumaat 18 Mei jam 5.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Ahad 20 Mei jam 11.00 pagi.



QARI: (Dari Kiri) Johan - Awang Wasli bin Abu Bakar, naib-johan Awang Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar, pemenang ketiga -Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji dan pemenang keempat - Awang Haji Suhaili bin Haji Latif.



QARIAH: (Dari Kiri) Johan - Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris, naib-johan - Dayang Jamilah bte Haji Abd Manaf, pemenang ketiga - Dk. Salbiah bte Pengiran Mohd. Salleh, dan pemenang keempat - Dayang Rokiah bte Ibrahim.

PERTANDINGAN Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara telah berlangsung pada minggu lalu. Pertandingan tersebut telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara selama dua malam berturut-turut iaitu pada 8 dan 9 Mei.

Sebuah Astaka khas untuk pertandingan tersebut telah dibina di tengah-tengah Taman (gambar bawah) di mana

lapan orang peserta memperdengarkan bacaan mereka.

Acara di malam pertama pertandingan tersebut telah dimulakan dengan bacaan Al-Quran dan ini diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, selaku Pengerusi Tertinggi Pertandingan Membaca Al-Quran. Dan seterusnya ucapan perasmian dari Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja

Awang Wasli dan Dyg. Hjh Siti Ara wakil ke K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Wasli bin Hj Abu Bakar dan Dayang Hajjah Siti Ara binti Hj Idris telah muncul sebagai Johan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara yang berlangsung dua malam berturut-turut di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada malam Rabu dan Khamis lepas.

duduki tempat ketiga dengan memperoleh markah sebanyak 83.57 peratus.

Dalam bahagian Qariah pula, menyandang naib johan ialah peserta dari Daerah Tutong, Dayang Jamilah binti Hj Abd Manaf dengan markah 84.46 peratus, sementara Dayangku Salbiah binti Pg. Md Salleh jatuh di tempat ketiga dengan memperoleh markah sebanyak 82.32 peratus.

Awang Wasli bin Hj Abu Bakar johan Qari memperoleh markah 87.32 peratus, dan sebelum ini pernah beberapa kali menjadi naib johan. Manakala Johan Qariah Dayang Hajjah Siti Ara binti Hj Idris mendapat markah 85.54 peratus, dan pernah beberapa kali mewakili negara ini ke pertandingan peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur dan berjaya mendapat tempat ketiga dalam 1980.



Manakala di tempat kedua bahagian Qari ialah Awang Hj Md. Yusof bin Abu Bakar yang mendapat markah sebanyak 86.61 peratus. Beliau pernah menjadi johan pertandingan ini beberapa kali, dan pernah menduduki di tangga ketiga peringkat antarabangsa beberapa tahun yang lalu. Awang Hj Rosli bin Hj Bolaji men-

Seramai empat peserta Qari dan empat peserta Qariah telah dipilih memasuki peringkat negara dan memperdengarkan bacaan masing-masing pada malam pertama pertandingan ini. Sementara itu johan-johan Qari dan Qariah tahun lalu tidak menyertai pertandingan pada tahun ini.

Johan Qari dan Qariah antara lain menerima hadiah wang tunai sebanyak \$2,000 dan seterusnya akan mewakili negara ini ke pertandingan peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur. Naib johan di kedua-dua bahagian menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,500 sementara tempat ketiga menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,000.

Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Pertandingan tersebut juga telah diserikan dengan persembahan nasyid. Gambar bawah kelihatan Kumpulan Nasyid dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong ketika mempersembahkan nasyid di malam pertama pertandingan tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan hadiah kepada johan qari Awang Wasli bin Abu Bakar (atas) dan johan qariah Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris.



GAMBAR atas ialah sebahagian dari isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut sementara empat gambar bawah menunjukkan Perarakan Tanglong dan Hadrah sebagai memulakan acara pada malam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan tersebut.



MAJLIS PENYAMPAI

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin malam Khamis lalu.

Di majlis tersebut Baginda Yang Dipertuan seterusnya berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan sejurus selepas bertitah.

Berangkat sama pada malam tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin

Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Majlis malam itu dimulakan dengan perarakan tanglung dan diikuti oleh peserta-peserta pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, Pasukan Nasyid, serta diiringi oleh 14 buah pasukan hadrah yang turut menyerikan majlis tersebut.

Kemudian diikuti pula dengan persembahan lagu-

lagu nasyid dari penuntut-penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dengan membawakan dua buah nasyid yang bertajuk "Allahu Akbar Pelindung Kita" dan "Purih Bangsa". Dalam pada itu satu syarahan khas telah disampaikan oleh Pemangku Kadi Besar Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Haji Awg Abdul Aziz bin Juned, mengenai tema pertandingan "Keadilan Asas Kebahagiaan dan Kemakmuran."

Seramai lapan orang peserta iaitu empat Qari dan empat Qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing di malam pertama pertandingan itu, yang mana mereka itu adalah pilihan dari sembilan kawasan seluruh negara. Terdahulu dari itu mereka telah bertan-

ding dua i...


Salah s...

Majlis b...

Juga h...

IAN HADIAH PERTANDINGAN AL-QURAN

angkat sa-
kim per-
ni ialah
paca Al-
slik In-
Ahmad
ng bagi
akinkan
t.
ngan ba-
t yang
Yang
atu Seri
Utama
n Umar
rajaan.
malam
Amat
ngiran
at asing
a-ketua
n dan
n kera-



e majlis penyampaian hadiah itu ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan
Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, D.Y.T.M. Paduka Seri
ana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
ka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri
Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah

n: Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian dan Pegawai-Pegawai Kanan Kera-
n hadir menyaksikan pertandingan pada malam itu.

h: (kiri) Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
to Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Hj Serudin, yang juga selaku Pengerusi
ndingan Membaca Al-Quran menyebarkan ucapan alu-aluan sementara gambar
erhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz bin Jun-



RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 16 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 INSPECTOR GADGET
5.20 MR. SMITH
5.45 JOURNEY INTO THE HIMALAYAS: "The Sherpas Of Everest"
6.00 BERITA AWAL
6.05 JOURNEY INTO THE HIMALAYAS — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Choices"
Seorang peserta peraduan ratu cantik yang dihoskan oleh St. Gregory Hotel menghadapi masalah moral dirinya untuk mempengaruhi salah seorang hakim peraduan.
7.44 AZAN ISYAK
7.50 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 KEEP IN THE FAMILY
9.45 ROAD TO WEMBLEY: "Southampton lwn Everton"
10.45 TAYANGAN GAMBAR: "The African Elephant"
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 17 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DONKEY KONG
6.00 BERITA AWAL
6.05 MY NAME IS... "Auadia, And I Live In The Sudan"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 FAST FORWARD

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM: "A Small And Deadly War" (Episod Terakhir)
The A Team membongkar sekumpulan pegawai polis yang memperoleh wang sebagai pembunuh upahan.
7.44 AZAN ISYAK
7.50 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 HAWAII FIVE O: "Number One With A Bullet"
Bhg. 2
10.45 PAUL HOGAN SHOW
11.15 POT BLACK 1982: "Reardon lwn Dennis Taylor"
11.40 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 18 MEI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 REVIEW RAOD TO WEMBLEY
2.20 CHILDREN'S FEATURES: "Highrise Donkey"
3.05 ROAD RUNNER
3.30 ME AND MAXX
3.40 AZAN ASAR
3.46 MILLER'S COURT: "Love Or Money"
4.25 YOU ASKED FOR IT
4.50 OMNI, THE NEW FRONTIER
5.10 LITTLE RASCALS
5.25 MIANI MIATU
5.35 MORK AND MINDY ANIMATION:
6.00 BERITA AWAL
6.05 BENJI: "Benji Call Home"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 TEKA TEPAT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Wizards And Warlocks"
7.44 AZAN ISYAK
7.50 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.45 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
9.00 LIPUTAN NASIONAL
9.30 DRAMA: "Yang Pergi Datang Dan Hampa"
10.00 DALLAS: "Some Do... Some Don't"
10.50 WKRP IN CINCINNATI: "Dr. Fever And Mr. Tide" Bhg. 1
11.15 MAGNUM: "Case Of Red Faced Thespian"
Magnum terpaksa menumpukan kepintaran siasatannya kepada sesuatu yang khas sahaja apabila satu pembunuhan yang membingungkan terjadi di satu majlis perayaan.
12.05 GLEN CAMPBELL
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 19 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 CLAYMATION
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000
6.25 JENNIFER SLEPT HERE: "Risky Weekend"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.32 JENNIFER SLEPT HERE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "The Decay"
7.44 AZAN ISYAK
7.51 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK: "Kuih Pau"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.45 F.A. CUP FINAL — Siaran langsung
10.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Family Man"
Seorang tuannya bengkel kereta yang hidup rukun damai dengan keluarganya telah jatuh cinta dengan seorang wanita muda. Ini berpunca kerana kasihankan wanita itu yang selalu dipukul dan dihamun oleh ke-

kasihnya di samping keinginan mereka berdua dalam musik. Perhubungan mereka diketahui oleh isterinya tetapi hanya membiarkan saja kerana dia berharap perkara itu akan berakhir jua. Pelakon-pelakon: Edward Asner, Meredith Baxter Birney, Anne Jackson, Paul Clemens, dan lain-lain.

12.15 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 20 MEI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
2.45 LADIES MAN
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.40 AZAN ASAR
3.45 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.10 LOVE BOAT
4.40 THOR
5.10 MAT YO YO
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MONCHHICHIS
6.25 BENSON: "Mary And Her Lambs"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON: "The Outsider"
Matt Houston terpaksa menggunakan kepintaran seorang ahli saikik untuk mengelak satu plot penculikan dan enadapatinya penjenayah pintar pun tidak dapat menduga apabila tertipu dengan sesuatu yang nyata.
7.44 AZAN ISYAK
7.51 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.54 KONSET JUARA (Tutong)
9.30 FORUM
10.30 THE TWO RONNIES
11.00 THE PARAS: "Wings"
11.25 WORLD WAR III Bhg. III
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 21 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN AND MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SUPERFRIENDS: "The Lionmen"

Rancangan TVP

dari 21 - 23 Mei

ISNIN — 21 MEI

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Binatang Tidak Bertulang Belakang)
Apakah yang membolehkan badan binatang tidak bertulang belakang menjadi tegak?
Bagaimanakah ubur-ubur bergerak di dalam air? Apakah yang menyokong badan ubur-ubur? Rancangan ini akan memberi jawapan-jawapan yang di atas.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Menjelang Hari Raya)
Rancangan kali ini mengenalkan kepada murid-murid Hari Raya dan persediaan-persediaan yang biasa dibuat apabila Hari Raya menjelang seperti membuat Kad Hari Raya, Kuih Muih, baju dan lain-lain lagi.
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Biji Benih dan Percambahan 2)
Biji Benih memerlukan beberapa perkara untuk bercambah. Salah satu darinya ialah air. Air dapat memer-

lukan makanan yang terdapat di dalam kotilidan dan dihantar ke tunas biji.

Untuk mengetahui selanjutnya akan perkara-perkara yang dikehendaki oleh biji benih untuk bercambah, ikuti-lah rancangan ini nanti.

SELASA — 22 MEI

PAGI

- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Menjelang Hari Raya)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Binatang Tidak Bertulang Belakang)

RABU — 23 MEI

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Biji Benih dan Percambahan 2)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Menjelang Hari Raya)

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 16 MEI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanian, 3.30 — Bahas Sekolah-Sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampai (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Malik Saifulizan siri ke-10), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 17 MEI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Irama Pilihan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Uga 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 18 MEI

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Sentimental.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Uga (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU 19 MEI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

PETANG: 2.00 — Bintang Remaja, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Uga.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 20 MEI

PAGI: 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwar Radio, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung

Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastra, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 21 MEI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah

Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 22 MEI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama - Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastra (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwar Radio (SU), 9.00 — Hiburan, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.
8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classic — 15/21
9.30 Classics Half Hour — 15/21

Thursday

P.M.
8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: The Importance of Being Earnest by Oscar Wilde (side 1 & 2 of 6)
9.30 Jazz at The Questors: The Ronnie Scott Quintet (Prog. 2 side 1)

Fridays/Holidays

A.M.
11.00 A Religious Feature: Why Is The Muslim A Muslim — 4/25.
11.15 Light Music From The Netherlands — 580/604.
11.30 Children's half hour.
NOON
12.00 Top Tunes — 18/18.
12.45 My Music — 301/436.
P.M.
1.15 Book Club: Treasurer Island by Roberts Louis Stevenson — 5/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 21/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.
2.30 Thirty-Minute Theatre: "The Dog" by Ivan Turgener.
3.00 Soundtrack of the Sixties: (K841 — 7 side 2B & 3B)

4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.
8.30 A Religious Feature: Why Is The Muslim A Muslim (repeat).
8.45 Brunei Traditional Music (repeat).
9.00 Perspective
9.30 A Date with ... (repeat).

Saturday

P.M.
2.00 Just For Variety
3.00 Gurkha Programmes.
8.00 Hits In Germany.
8.30 Animal, Vegetable and mineral — 19/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1017.

Sunday

A.M.
11.00 Our Views — "Women In Brunei" with Chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.
NOON
12.00 A Date with
12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1017 (repeat).
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Brunei Traditional Music.
2.45 Albert And Me by Jim Bldridge: Comedy series about adventures misadventures of an unmarried father and His baby son — 1/8.
3.15 Just For Variety.
P.M.
8.00 Our Views (repeat).
8.30 Beautiful Music — 13/60.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Soundtrack of the Sixties — (841 — 8 side 1A).

Monday

P.M.
8.00 Theatre Forty-Five: Joe's Ark by Dennis Potter.
8.45 Jim Reeves and His Music (Prog. 2 side 2 of 2).
9.30 A Play On Words — 47.

Tuesday

P.M.
8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: "Madness" side 1.
6.29 Jingle.

Daily

A.M.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast, Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
NOON
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
